

**Natasha Nuralanis binti Zulkipli**  
**Zulkipli bin Ali**  
*lwn*  
**Haidir bin Morshidi**

a

b

[Mahkamah Tinggi Syariah Kuching di Sarawak. No. Kes: KCH-MTS-001-0001-09/2021. (YA Tuan Mahiden bin Haji Sah HMTS) 06 Januari 2022]

c

**Ordinan Mahkamah** – Bidang kuasa Mahkamah- penentuan mahkamah mana yang berbidang kuasa dalam kes yang melibatkan harta tak alih

d

**Undang-undang Keluarga Islam** – ganti rugi pertunangan -adakah Perayu Kedua wajar dijadikan sebagai pihak dalam saman kes tersebut

**Undang-undang Tatacara Mal Syariah** – Kuasa sedia ada – rayuan kes dari Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah, pencantuman pihak

**Fakta Kes**

e

f

g

h

[1] Kes yang dibicarakan ini ialah satu rayuan yang difailkan oleh Perayu, Natasha Nuralanis binti Zulkipli, Perayu Pertama dan Zulkipli bin Ali, Perayu Kedua berkaitan dengan permohonan Interlokutori Bantahan Awal yang telah difailkan oleh Perayu-Perayu di Mahkamah Rendah Syariah Kuching pada 18 Januari 2021 bagi membantah bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah dalam mendengar tuntutan Responden serta mengeluarkan Perayu Kedua sebagai pihak yang dituntut dalam kes induk iaitu tuntutan ganti rugi pertunangan (selepas ini disebut sebagai kes tersebut).

[2] Hakim Bicara telah memutuskan menolak permohonan bantahan awal Perayu serta membuat keputusan bahawa Mahkamah bicara berbidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan kes tersebut serta menolak bantahan Perayu Kedua untuk dikeluarkan daripada menjadi pihak dalam tuntutan tersebut.

**Diputuskan**

[3] Selepas mempertimbangkan rayuan Perayu dan setelah meneliti rekod rayuan dan hujah kedua pihak dan setelah meneliti segenap sudut kes ini, Mahkamah berpuas hati terhadapnya, serta merujuk kepada bidang kuasa mahkamah ini, maka Mahkamah dengan ini memutuskan dan PERINTAHKAN;

*a*

1. Rayuan Perayu-Perayu ditolak.

*b*

2. Keputusan Hakim Bicara dalam permohonan Interlokutori Bantahan Awal dalam kes No. KCH-MRS-009-457-09/2020 dikekalkan.

*c*

3. Prosiding kes No. KCH-MRS-009-457-09/2020 diteruskan di Mahkamah Rendah Syariah Kuching di hadapan hakim asal.

4. Kesemua perintah ini berkuat kuasa serta merta.

*d*

**Peguam Syarie**

Perayu-Perayu : diwakili oleh Tuan Sapuan bin Ahmad

*e*

Defendan : diwakili oleh Tuan Saifulnizam bin Sam – Tetuan Lim & Teo Advocates

**Undang-undang yang dirujuk**

*f*

1. Ordinan Undang-undang Keluarga Islam, 2001

2. Ordinan Tatacara Mal Syariah, 2001

3. Ordinan Mahkamah Syariah, 2001

*g*

**Kes-kes yang dirujuk**

1. Mohamad Azla bin Hj Kamaruddin lwn Mokhtar bin Hasyim & Anor

*h*

**Penghakiman YA Tuan Mahiden bin Haji Sah, HMTS**

- a* [4] Kes di hadapan mahkamah ini adalah berkaitan rayuan bantahan awal yang telah difailkan oleh Perayu melalui peguam syariannya mengenai satu permohonan rayuan keputusan Interlokutori Bantahan Awal dalam kes No. KCH-MRS-009-457-09/2020 di Mahkamah Rendah Syariah Kuching dan difailkan pada 26 November 2020. Hakim Bicara dalam penghakimannya pada 3
- b* Mac 2021 telah memutuskan menolak bantahan awal Perayu dan memutuskan bahawa Mahkamah Bicara mempunyai kuasa untuk mendengar serta memutuskan kes tersebut di samping memutuskan Perayu Kedua adalah patut dan perlu untuk dijadikan pihak-pihak dalam kes tersebut.
- c*

**Kronologi Kes**

- d* 1. Pada 18.09.2020 Responden telah memfailkan saman dan penyata tuntutan di Mahkamah Rendah Syariah Kuching.
- e* 2. Pada 26.11.2020 Perayu Kedua telah memfailkan Notis Permohonan Interlokutori Bantahan Awal bagi membantah bidang kuasa Mahkamah Bicara dan mengeluarkan Perayu Kedua daripada menjadi pihak dalam kes tersebut.
- f* 3. Hakim bicara telah membuat keputusan menolak bantahan awal Perayu Kedua pada 03.03.2021.
- g* 4. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Rendah Syariah dan telah memfailkan Notis Rayuan pada 15.03.2021. Alasan Rayuan difailkan pada 28.04.2021 dan Rekod Rayuan pada 27.05.2021. Sepuluh alasan rayuan telah dikemukakan Perayu-Perayu iaitu;
- h* i. Hakim Bicara telah terkhilaf dan/atau tersilap daripada segi undang-undang dan/atau fakta dalam menolak Permohonan Awal Defendan Kedua (Perayu Kedua)
- ii. Hakim Bicara telah terkhilaf dan/atau tersilap daripada segi undang-undang dan/atau fakta dalam memutuskan bahawa Mahkamah Rendah Syariah berbidang kuasa, berwibawa

dan/atau kompeten untuk mendengar dan memutuskan suatu kes yang terkait harta tak alih yang sepatutnya didengar dan diputuskan di Mahkamah Tinggi Syariah.

- iii. Hakim Bicara telah terkhilaf dan/atau tersilap daripada segi undang-undang dan/atau fakta dalam memutuskan bahawa adalah lebih baik Mahkamah Rendah Syariah mendengar dan memutuskan tuntutan ganti rugi pertunangan ini tanpa mengambil kira fakta-fakta kes ini terkait harta tak alih.
- iv. Hakim Bicara telah terkhilaf dan/atau tersilap daripada segi undang-undang dan/atau fakta dalam meletakkan Defendan Kedua (Perayu Kedua) sebagai pihak dalam tuntutan Plaintiff (Responden) tersebut.
- v. Hakim Bicara telah terkhilaf dan/atau tersilap daripada segi undang-undang dan/atau fakta dalam mentafsirkan siapakah pihak-pihak yang dinyatakan dalam seksyen 13, Ordinan Undang-undang Keluarga Islam, 2001 dan kemudiannya gagal mengaplikasikannya dalam tuntutan Plaintiff (Responden).
- vi. Hakim Bicara telah terkhilaf dan/atau tersilap daripada segi undang-undang dan/atau fakta dalam memutuskan untuk memasukkan Defendan Kedua (Perayu Kedua) dalam tuntutan Plaintiff (Responden).
- vii. Hakim Bicara telah terkhilaf dan/atau tersilap daripada segi undang-undang dan/atau fakta dalam menyamakan akad pernikahan dan akad pertunangan dalam memutuskan Defendan Kedua (Perayu Kedua) sebagai wali mujbir dan bertanggung dalam menentukan kesahan dan/atau kewujudan pertunangan pihak-pihak.
- viii. Hakim Bicara telah terkhilaf dan/atau tersilap daripada segi undang-undang dan/atau fakta dalam menggunakan takrifan kemudiannya mengaplikasikan kalimah al ijbar yang merujuk kepada kedudukan Defendan Kedua (Perayu Kedua) sebagai orang yang dijadikan pihak dalam tuntutan Plaintiff (Responden) tersebut.

- a ix. Hakim Bicara telah terkhilaf dan/atau tersilap dari segi undang-undang dan/atau fakta dalam mengiktiraf kedudukan Defendan Kedua (Perayu Kedua) sebagai wali mujbir tanpa merujuk mana-mana bahagian di dalam Penyataan Tuntutan Plaintif (Responden); dan
- b x. Hakim Bicara telah terkhilaf dan/atau tersilap daripada segi undang-undang dan/atau fakta apabila menerima hujahan Plaintif (Responden) dan menolak hujahan Defendan Kedua (Perayu Kedua) di dalam mendengar dan memutuskan permohonan Bantahan Awal Defendan Kedua (Perayu Kedua).

c **Bidang kuasa Mahkamah**

- d [5] Perkara utama yang perlu diteliti dan diambil pertimbangan oleh Mahkamah ini ialah adakah Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan rayuan yang dikemukakan ini.
- e [6] Seksyen 10 Ordinan Mahkamah Syariah, 2001 memperuntukkan mengenai bidang kuasa Mahkamah Tinggi. Seksyen tersebut memperuntukkan;

**Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah**

f (3) *Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah—*

g (b) *dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubung dengan—.....*

h Manakala dalam seksyen 139 Ordinan Tatacara Mal Syariah pula menyatakan peruntukan yang berkaitan dengan rayuan dari Mahkamah Rendah Syariah kepada Mahkamah Tinggi Syariah

*Seksyen 139.—(1) Sesuatu rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rendah Syariah hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah, .....*

[7] Merujuk kepada alasan rayuan Perayu, mahkamah mendapati terdapat dua isu yang perlu diteliti dan diputuskan oleh mahkamah-

1. Bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah berkaitan dengan harta tak alih dalam tuntutan ganti rugi pertunangan. a
2. Patut atau perlu Perayu Kedua selaku ayah kandung kepada Perayu Pertama dijadikan pihak Defendan Kedua dalam tuntutan tersebut. b

Isu Pertama: Bidang Kuasa Mahkamah Rendah Syariah Berkaitan Dengan Harta Tak Alih Dalam Tuntutan Ganti Rugi Pertunangan.

[8] Sebelum mahkamah menyentuh berkenaan bidang kuasa yang melibatkan harta alih dan tak alih ada baiknya mahkamah ini membicarakan berkenaan bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah berdasarkan peruntukan Ordinan Mahkamah Syariah, 2001 seperti berikut; c

**Seksyen 11. Bidang kuasa  
Mahkamah Rendah Syariah.**

*(1) Sesuatu Mahkamah Rendah Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negeri dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah.* e

*(2) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah –* f

*(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskannya, jika amaun atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang.* g

[9] Berdasarkan peruntukan tersebut, jelas menunjukkan bahawa Mahkamah Rendah Syariah dalam bidang kuasa malnya mempunyai bidang kuasa yang sama dengan Mahkamah Tinggi h

a Syariah untuk mendengar dan memutuskan kes sekiranya amaun yang dipertikaikan tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit. Walau bagaimanapun, Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidang kuasa pengawasan dan penyemakan ke atas semua Mahkamah Rendah Syariah seperti peruntukan berikut;

b **Seksyen 15. Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Tinggi Syariah.**

*(1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa pengawasan dan penyemakan ke atas semua Mahkamah Rendah Syariah.....*

c [10] Mahkamah bersetuju dengan hujah kedua pihak termasuk penghakiman Hakim Bicara dalam isu ini yang kesemuanya menyatakan bahawa tiada peruntukan undang-undang yang jelas berkaitan dengan mahkamah mana yang berbidang kuasa apabila tuntutan melibatkan harta alih dan tak alih, yang jelas membezakan d bidang kuasa kedua-dua mahkamah ini adalah dari sudut amaun yang dituntut atau dipertikaikan.

e [11] Terdapat beberapa Arahan Amalan yang menetapkan jenis kes-kes tertentu yang hendaklah didengar di Mahkamah Tinggi Syariah. Antaranya seperti Arahan Amalan No. 1 Tahun 2002 dan dipinda melalui Arahan Amalan No. 6 Tahun 2006 berkenaan Kes Hadhanah, Harta Sepencarian dan Ex-parte di Mahkamah f Tinggi Syariah. Arahan Amalan No. 14 Tahun 2006 – Kuasa membicarakan kes-kes poligami, dan Arahan Amalan No. 4 Tahun 2007 – Mahkamah yang mendengar kes pengesahan nikah yang melibatkan kes poligami.

g [12] Tiada Arahan Amalan yang menyatakan dengan jelas mengenai mahkamah yang berbidang kuasa apabila melibatkan harta alih atau harta tak alih kecuali Arahan Amalan No. 2 Tahun 2002 Kes Hadhanah, Harta Sepencarian **tak alih** dan Ex-Parte hendaklah h dimulakan prosiding di Mahkamah Tinggi Syariah. Namun begitu, Arahan Amalan tersebut telah dipinda melalui Arahan Amalan No. 6 Tahun 2006 yang telah meminda perkataan “Harta Sepencarian tak alih” digantikan dengan perkataan “Harta Sepencarian yang melibatkan harta alih dan harta tak alih” dan pindaan ini

bermaksud bahawa kes harta sepencarian adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah tanpa mengira sama ada ia terdiri daripada harta alih atau tak alih dan sama ada nilainya kurang daripada tiga ratus ribu ringgit atau lebih daripada tiga ratus ribu ringgit.

a

- [13] Adapun dalam kes faraid, isu harta alih dan harta tak alih dalam penentuan Mahkamah yang berbidang kuasa langsung tidak disebut. Arahan Amalan No. 5 Tahun 2015 menyatakan pengiraan amaun bagi menentukan Mahkamah yang berbidang kuasa mendengar sesuatu kes hendaklah mengikut keseluruhan nilai harta si mati dan Arahan Amalan ini telah membatalkan Arahan Amalan No. 4 Tahun 2010 yang menetapkan kes faraid yang berlapis *munasakhah* hendaklah didengar di Mahkamah Tinggi Syariah. Arahan Amalan ini menjelaskan bahawa penentuan mahkamah mana yang berbidang kuasa dalam kes faraid hendaklah ditentukan berdasarkan nilai keseluruhan harta si mati.

b

c

Isu Kedua: Patut Atau Perlu Perayu Kedua Selaku Ayah Kandung Kepada Perayu Pertama Dijadikan Pihak Defendan Kedua Dalam Tuntutan Tersebut

d

- [14] Perayu telah menyenaraikan enam alasan rayuan yang berkaitan dengan isu ini iaitu alasan rayuan keempat hingga kesepuluh. Mahkamah merangkumkan kesemua alasan ini dalam satu isu iaitu kewajaran Perayu Kedua dijadikan Defendan Kedua dalam kes induk.

e

- [15] Perayu dalam hujahnya telah merujuk Seksyen 13 Ordinan Undang-undang Keluarga Islam, 2001 yang merupakan punca kuasa dalam kes tersebut dan telah mentafsirkan ayat "sama ada secara persendirian atau melalui seorang perantaraan" dengan maksud sesebuah pertunangan itu boleh berlaku secara bersendirian (di antara si lelaki dengan si perempuan) atau melalui perantaraan (pihak ketiga yang menjadi orang tengah di antara si lelaki dan si perempuan) serta menyimpulkan pertunangan berlaku tanpa penglibatan seorang wali.

f

g

- [16] Pada perenggan 29, Perayu berhujah mengenai peruntukan yang sama iaitu ayat "pihak yang mungkir adalah bertanggung"

h

bermaksud pihak yang memungkiri yakni pihak yang memutuskan pertunangan tersebut sahaja harus mengambil tanggungjawab yang sewajarnya.

a

- [17] Perayu turut berhujah berdasarkan pendapat Ash-Sheikh Al-Khatib Ash-Sharbini dalam kitab Mughni Al-Muhtaj yang mensyarahkan matan Minhaj A-Thalibin karangan Imam An-Nawawi berkenaan dengan melihat perempuan sebelum mengikat pertunangan tanpa perlu izin walinya.

b

- [18] Pihak Responden pula dalam hujahnya menyatakan bahawa tiada pertikaian antara kedua pihak berkenaan majlis rasmi pertunangan serta mengikut adat yang telah diadakan di rumah Perayu Kedua pada 15 September 2019 dan menyatakan bahawa ikatan pertunangan di antara Responden dan Perayu Pertama tidak akan berlaku dan diteruskan tanpa keizinan dan restu daripada Perayu Kedua. Responden turut merujuk kes Mohamad Azla bin Hj Kamaruddin lwn Mokhtar bin Hasyim & Anor.

c

d

- [19] Mahkamah bersetuju dengan rujukan Seksyen 13, OUKIS, 2001 oleh Perayu kerana ia merupakan punca kuasa dalam tuntutan kes induk. Walau bagaimanapun, Mahkamah kurang bersetuju dengan rujukan peruntukan tersebut semata-mata bagi mentafsirkan maksud pihak-pihak atau secara terperinci pihak Defendan dalam sesuatu tindakan. Mahkamah juga tidak setuju dengan rujukan Perayu berkenaan keharusan melihat seseorang perempuan yang ingin dinikahinya sebelum pertunangan tanpa izin wali kerana isu yang berbeza di mana dalam kes ini, kedua pihak telah pun mengikat pertunangan secara rasmi. Berbeza dengan pernyataan oleh Imam Nawawi tersebut iaitu keharusan melihat seseorang perempuan yang ingin dinikahinya sebelum meminang perempuan tersebut. Ini adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW; Rasulullah SAW bersabda kepada sahabat yang ingin bertunang:

e

f

g

- [20] Dalam hadis yang diriwayatkan daripada Abu Humayd al-Sa'idi RA, Rasulullah SAW bersabda:

h

إِذَا خَظَبَ أَحَدُكُمْ امْرَأَةً فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَنْظُرَ إِلَيْهَا إِذَا كَانَ  
إِنَّمَا يَنْظُرُ إِلَيْهَا لِخِطْبَتِهِ وَإِنْ كَانَتْ لَا تَعْلَمُ

Bermaksud:

"Apabila seseorang daripada kamu ingin meminang  
seorang perempuan, tidaklah salah melihatnya dahulu,  
jika tujuan melihat itu untuk meminang walaupun tidak  
diketahui oleh perempuan."

Riwayat Ahmad (23602)

انْظُرْ إِلَيْهَا فَإِنَّهُ آخَرَى أَنْ يُؤَدَّمَ بَيْنَكُمَا

Bermaksud:

"Lihatlah perempuan itu dahulu kerana ia akan lebih  
mengekalakan kasih sayang antara kamu berdua."

Riwayat al-Tirmizi (1087)

- [21] Mahkamah bersetuju dengan hujah Responden bahawa ikatan  
pertunangan di antara Responden dan Perayu Pertama tidak akan  
berlaku dan diteruskan tanpa keizinan dan restu daripada Perayu  
Kedua. Walau bagaimanapun, Mahkamah kurang bersetuju  
dengan rujukan Responden terhadap kes Mohamad Azla bin Hj  
Kamaruddin /wn Mokhtar bin Hasyim & Anor kerana isu dalam  
kes ini ada sedikit perbezaan walaupun kausanya adalah sama  
sebagaimana hujah Perayu dalam perenggan 31 hingga 34 yang  
menghujahkan bahawa antara fakta dalam kes Mohamad Azla ini  
ialah adanya janji oleh ayah kepada Defendan Kedua.
- [22] Seterusnya Perayu berhujah berasaskan Seksyen 20 Ordinan  
Tatacara Mal Syariah, 2001 Mahkamah bersetuju dengan rujukan  
tersebut. Walau bagaimanapun, Perayu juga harus merujuk kepada  
seksyen sebelumnya iaitu Seksyen 18.

**Seksyen 18. Percantuman pihak.**

- a* (1) Dua orang atau lebih boleh dicantumkan sekali dalam satu tindakan sebagai Plaintiff atau Defendan dengan kebenaran Mahkamah atau jika-
- b* (a) tindakan-tindakan yang berasingan dibawa oleh atau terhadap setiap seorang daripada mereka, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan soalan undang-undang atau fakta yang sama akan timbul dalam kesemua tindakan itu; dan
- c* (b) segala hak untuk mendapatkan relief yang dituntut dalam tindakan itu, sama ada hak-hak itu bersesama, berasingan atau sebagai pilihan, adalah berkenaan dengan atau timbul daripada transaksi atau siri transaksi yang sama.
- d* (2) Walau apa pun subseksyen (1), jika Mahkamah mendapati bahawa apa-apa percantuman boleh menyulitkan mana-mana Defendan atau melengahkan perbicaraan atau selainnya menyusahkan, Mahkamah boleh, atas kehendaknya sendiri atau
- e* atas permohonan Defendan, memerintahkan supaya diadakan perbicaraan yang berasingan atau membuat apa-apa perintah lain yang difikirkannya patut.
- f* (3) Penghakiman boleh diberikan tanpa apa-apa pindaan kepada mana-mana Plaintiff bagi relief yang dia berhak mendapatnya, atau mana-mana seorang Defendan atau lebih yang didapati bertanggung mengikut tanggungan mereka masing-masing.
- g* [23] Berdasarkan peruntukan ini, adalah menjadi budi bicara hakim bicara untuk membenarkan pencantuman dua orang atau lebih sebagai Plaintiff atau Defendan. Walau bagaimanapun, penghakiman boleh diberikan tanpa apa-apa pindaan kepada mana-
- h* mana seorang Defendan atau lebih yang didapati bertanggung mengikut tanggungan mereka masing-masing. Peruntukan ini juga bermaksud bahawa tidak semestinya semua Defendan yang

dinamakan dalam tuntutan tersebut dipertanggungjawabkan kerana ia akan dinilai oleh Hakim Bicara takat pertanggungjawabannya. Maka di sinilah peranan Perayu Kedua untuk meyakinkan Hakim Bicara bahawa dia tidak selayaknya dipertanggungjawabkan atas tindakan Perayu Pertama.

a

- [24] Sehubungan itu, adalah menjadi hak Perayu Kedua untuk membela diri daripada dipertanggungjawabkan ke atas tuntutan dalam prosiding kes tersebut dan terserah atas kebijaksanaan Hakim Bicara untuk merujuk peruntukan Seksyen 18 (3) Ordinan Tatacara Mal Syariah, 2001 sebelum membuat keputusan.

b

- [25] Mahkamah tidak ingin mengulas isu wali mujbir dalam rayuan ini sepertimana hujah kedua pihak dan diulas panjang lebar oleh Hakim Bicara dalam penghakimannya kerana isu wali mujbir bukan isu penting dibincangkan pada peringkat ini. Tapi isu yang lebih penting yang perlu dibincangkan ialah isu tanggungjawab seorang bapa terhadap seorang anak perempuan berbeza dengan tanggungjawab seorang bapa terhadap anak lelaki di mana tanggungjawab seorang bapa terhadap seorang anak lelaki akan tamat atau terhenti sebaik sahaja anak lelaki tersebut telah mencapai umur baligh, berbeza dengan tanggungjawab seorang bapa terhadap seorang anak perempuan akan hanya terhenti apabila anak perempuan tersebut berkahwin di mana tanggungjawab itu akan berpindah kepada suami kepada anak perempuan tersebut. Oleh itu selagi anak perempuan tersebut belum lagi berkahwin selagi itulah tanggungjawab tersebut terletak di bahu seorang bapa. Maka, dalam kes ini Perayu Pertama masih lagi di bawah tanggungjawab Perayu Kedua.

c

d

e

f

### Diputuskan

Selepas mempertimbangkan rayuan Perayu dan setelah meneliti rekod rayuan dan hujah kedua pihak dan setelah meneliti segenap sudut kes ini, Mahkamah berpuas hati terhadapnya, serta merujuk kepada bidang kuasa mahkamah ini, maka Mahkamah dengan ini memutuskan dan PERINTAHKAN;

g

1. Rayuan Perayu-Perayu ditolak.

h

2. Keputusan Hakim Bicara dalam permohonan Interlokutori Bantahan Awal dalam kes No. KCH-MRS-009-457-09/2020 dikekalkan.

*a*

3. Prosiding kes No. KCH-MRS-009-457-09/2020 diteruskan di Mahkamah Rendah Syariah Kuching di hadapan hakim asal.

*b*

4. Kesemua perintah ini berkuat kuasa serta merta.

*c*

*d*

*e*

*f*

*g*

*h*